

Nur Anis berjimat cermat selama empat tahun untuk peroleh ijazah di UPM

# Kerja sambilan lunas kos pengajian

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD

**KUALA LUMPUR** – Siapa sangka anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan berusia 24 tahun, Nur Anis Kamaruddin sanggup bertahan untuk bekerja sambilan selama empat tahun di restoran makanan segera Kentucky Fried Chicken (KFC) bagi menanggung kos pengajiannya.



Menurut Nur Anis, jerih perihnya mencari rezeki itu dirasakan sangat berbaloi apabila berjaya menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya gagal mendapatkan pembiayaan meskipun setiap tahun mem-

buat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Zakat UPM, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan banyak lagi dan saya terpaksa memilih jalan untuk bekerja sambilan tanpa pengetahuan keluarga.

“Pendapatan yang saya peroleh hanya RM150 hingga RM200 sebulan dan saya mula berjimat cermat bagi membuat persediaan melunaskan yuran pengajian termasuk perbelanjaan harian,” katanya kepada *Kosmo!* selepas menghadiri Majlis Konvokesyen UPM Ke-40 di sini semalam.


Nur Anis merupakan antara 7,200 graduan yang menerima ijazah bagi sesi kelima.

Sementara itu, kejayaan Nur Anis

boleh dikatakan menarik apabila dia berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh lebih singkat memandangkan dia terpaksa memadatkan jadual kelas empat tahun kepada tiga tahun bagi mengurangkan kos pengajian.

“Kerana bertukar minat, pengajian saya yang pada mulanya bahasa Perancis ditukar kepada Sains Pembangunan Sumber Manusia menyebabkan saya kembali menjadi pelajar baharu kerana tidak dibenarkan membawa kredit sedia ada kepada jurusan lain.

“Saya sekali lagi terpaksa membuat keputusan sukar apabila terpaksa memadatkan jadual kelas yang sepatutnya empat tahun kepada tiga tahun agar tempoh pengajian dapat dipendekkan bagi mengurangkan kos,” katanya.



NUR ANIS gembira menunjukkan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia yang diterimanya pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-40 di UPM, Serdang semalam.